

PASANGAN merupakan anugerah Tuhan kepada kita. Ramai di luar sana masih mencari-cari dan belum mempunyai rezeki memiliki pasangan. Dengan pasangan kita berpeluang bersama-sama dan menghabiskan banyak waktu dalam waktu susah senang bersama-sama.

Tidak selama-lamanya dua jiwa memiliki kesamaan. Adakalanya pasangan itu orang yang paling berlainan dengan kita itu jodoh Tuhan tentukan buat kita.

Jika ada banyak perbezaan yang justeru menuntut pasangan untuk bertoleransi penuh dengan pasangan masing-masing.

Kurang saling menghargai, perbezaan pendapat, sentiasa saling bertikam lidah dapat membuat hubungan pasangan semakin tegang dan konflik berterusan.

Tip Toleransi Dengan Pasangan

Antara tip untuk toleransi dengan pasangan anda ialah membiarkannya pasangan kita bebas melakukan hobi.

Ramai lelaki tidak bebas bermain dengan hobinya ketika sudah berkahwin. Sebagai pasangan, penting untuk menyokong hobi pasangan untuk membuat fikiran dan hatinya bahagia.

Hobi dapat membantunya melepaskan stres selepas bekerja. Lebih baik sekiranya pasangan dapat menemaninya sambil menghabiskan waktu berdua.

Selain itu, tidak melarangnya mencuba makanan kesukaan. Ini kerana kita memiliki selera makan yang berbeda dengan pasangan tersebut. Ada makanan yang tidak kamu sukai tetapi pasangan sangat menyukainya.

Sebagai pasangan kamu tidak dapat

Toleransi dengan PASANGAN ANDA

Hubungan suami isteri yang seimbang penting untuk menjamin keharmonian institusi rumah tangga. Kalau ada yang perlu ditegur, harus ditegur dari peringkat awal.

melarangnya menikmati makanan kesukaannya. Meski tidak menyukai bau dan rasanya, biar pasanganmu bebas menikmatinya. Seterusnya, memberi waktu untuknya melepak bersama-sama teman karib.

Keinginan untuk bebas dan ingin berjumpa rakan rapat bersama-sama teman apabila sudah berkahwin sukar untuk dilakukan.

Apalagi seseorang yang memiliki pasangan agak *Queen* atau *King control*. Saling berusaha untuk bersama-sama dan saling terikat, bukan bererti pasangan bebas mengatur pasangannya.

Seimbangkan Hubungan

Hubungan suami isteri yang seimbang penting untuk menjamin keharmonian institusi rumah tangga. Kalau ada yang perlu ditegur, harus ditegur dari peringkat awal.

Namun, ramai dalam kalangan masyarakat kita lebih suka menengking dan mempersoal segala perlakuan suami atau isteri berbanding bertanya dan berbincang.

Tip mudah untuk anda mudah serasi dengan pasangan. Antaranya setiap pasangan hendak menerima segala keburukan dan

kebaikan pasangan. Seterusnya, komunikasi berkesan dengan pasangan agar kurangkan jurang salah faham. Ini kerana salah satu kunci kejayaan sesebuah perhubungan itu ialah cara komunikasi yang baik.

Jangan Beri Alasan

Mungkin sebelum ini ada sege-lintir golongan suami memberikan alasan penat kerana bekerja seherian, jadi dengan adanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mereka perlu menunjukkan sikap tolak ansur dan ringan tulang bagi membantu isteri di rumah.

Jika kita hayati perjalanan hidup junjungan besar Rasulullah SAW, maka kita mendapati baginda bukan sahaja seorang utusan Allah yang sibuk berdakwah tetapi baginda juga seorang suami soleh dan sering membantu isterinya di rumah.

Dalam mempertahankan rumah tangga, kesepaduan antara kedua-dua pihak yakni suami dan isteri sangat penting.

Terima Pasangan Seadanya

Terimalah pasangan kita seadanya. Kita sendiri perlu faham, pasangan kita itu bukan malaikat. Oleh itu, lahir kasih sayang yang membawa kepada *sakinah*, *mawadah* dan rahmah.

Terdapat dalam kalangan isteri yang penat kerana keletihan berbanding kebiasaan kerana suami dan anak-anak asyik meminta makan sehingga tengah malam semasa pandemik Covid-19.

Itu belum termasuk situasi suami memperlakukan isteri seperti khadam yang tidak diberi rehat secukupnya selepas melakukan pelbagai kerja rumah walhal suami hanya makan, tidur, bermain telefon sambil duduk bersilang kaki melayan laman sosial.

Dalam ajaran Islam, menurut mazhab Syafie, melakukan kerja rumah seperti memasak bukan menjadi kewajipan isteri tetapi dia digalakkan melakukan kerana ulamaya menyatakan lebih membawa

kepada keharmonian dalam rumah tangga. Pasangan suami isteri perlu mempunyai sikap belas kasihan, saling menolong serta toleransi.

Setiap pasangan perlu mengelak mempertahankan hak sendiri. Kita tidak pernah habis bercakap berkenaan hak dan paling baik ialah berlumba-lumba dalam menunaikan hak pasangan walaupun tidak dituntut.

Tujuan perkahwinan itu sendiri ialah mencapai ketenangan dalam kehidupan. Sudah menjadi tanggungjawab bersama-sama untuk mewujudkan ketenangan yang diimpikan di dalam rumah tangga.

Contohi diri Rasulullah SAW itu sebagai ikutan yang baik dalam setiap tindakan pasangan dalam melayari bahtera rumah tangga. Sentiasa mengharapkan kerediaan Allah SWT dan balasan baik Hari Akhirat.

Berbuat baik dengan pasangan anda. Semoga PKPB dapat membuka lebaran baharu dalam memperbaiki hubungan suami isteri dengan kemanisan berkasih sayang dan saling melengkap.

Doakan setiap pasangan dikurniakan Tuhan yang sentiasa tabah dalam mengharungi semua ujian dalam hidup. Namun, jika ada masalah yang anda tidak jumpa jalan penyelesaiannya atau memerlukan bantuan pakar dapat hubungi talian kasih 15999 yang beroperasi 24 jam.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun semasa sesi sidang media selepas hadir Majlis Anugerah Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan 2020. – Bernama